...AT UNDANG-UNDANG NEGERI
NEGERI SEMBILAN

NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 34 No. 1 — **1hb Januari 1981** — *TAMBAHAN No. 1 PERUNDANGAN*

**N.S. P.U. 1.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seremban membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut: *Akta 171.*

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Seremban) 1980** dan berjalan kuatkuasa pada 1hb Januari 1981.

Takrif.

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

"Iklan" ertinya apa-apa pemberitahuan, isyarat atau penerbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orangramai akan sesuatu barang, keluaran, pengeluaran, tempat, peristiwa, atau sesuatu perkara atau yang dipamirkan di atas sesuatu papan dinding, papan bumbung, dinding, paling, pagar, pokok, bingkai, papantanda, pelit, kain, palang, pilar, tiang, dawai, kekepuk, atau lain-lain binaan atau alatan atau mana-mana bahagian daripadanya di atas, di dalam, di sebelah atas mana-mana tanah rumah, bangunan, struktur, siarkaki, jalan atau tempat tumpuan orangramai dan digunakan dengan maksud iklan;

"Papantanda" ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dengan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan jenis tred, perniagaan atau profession yang dijalankan oleh orang, firma, perbadanan atau pertubuhan itu;

"Poster" ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan tidak berukuran lebih daripada dua kaki kali tiga kaki;

"Tanda Arahan" ertinya pertunjukan dengan apa-apa cara akan cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profession mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksud untuk menunjukkan jalan ke premis dimana papantanda tidak dapat dilihat dari jalan;

"Tiang Poster" ertinya tiang yang disediakan oleh Yang di-Pertua untuk pertunjukan poster-poster.

"Yang di-Pertua" ertinya Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seremban dan termasuklah Timbalan Yang di-Pertua.

(2) Dalam Undang-undang Kecil ini, rujukan mengenai orang yang mempamirkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai orang yang sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya mempamirkan atau mengarah dipamirkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk:

(*a*) pemunya atau penduduk tanah dimana iklan itu dipertunjukkan; dan

(*b*) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang tred, perniagaan,

ditam ba NSPU 3/81

"(3) Perkataan "iklan" di mana jua terdapat dalam Undang-undang Kecil ini hendaklah termasuk perkataan-perkataan "papantanda", "poster" dan "tanda-arahan"."

Perkata... bagi iklan.

... samada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.

(2) Jika iklan adalah dalam Bahasa Malaysia serta juga dalam apa-apa bahasa lain, huruf-huruf atau tulisan-tulisan perkataan-perkataan dalam bahasa atau bahasa-bahasa lain itu hendaklah berukuran tidak lebih besar dari kadar setengah huruf-huruf bagi perkataan dalam Bahasa Malaysia dan hendaklah ditunjukkan dengan cara yang lebih mudah dilihat.

Penggunaan perkataan "Halal".

4. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah diproses, dimasak atau dibuat dengan cara yang diluluskan oleh Ugama Islam atau bahawa makanan itu tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi seseorang Islam melainkan orang itu telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Yang di-Pertua.

(2) Sebelum memberi kelulusan di bawah perenggan (1) Yang di-Pertua boleh menghendaki bukti dengan memuaskan hatinya bahawa makanan itu tidak ditegah di bawah Ugama Islam untuk dimakan oleh orang-orang Islam.

5. (1) Tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertua, tiada seseorang pun boleh mempamirkan atau mengarah dipamirkan apa-apa iklan, lain daripada iklan-iklan yang dikecualikan di bawah Undang-undang Kecil 10. Lesen-lesen

(2) Yang di-Pertua boleh menggunakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(3) Lesen-lesen yang dikeluarkan ini ialah:

(*a*) Lesen Kelas 'A' dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama selama tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan.

(*b*) Lesen Kelas 'B' dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebih daripada enam bulan kalendar.

(*c*) Lesen Kelas 'C' dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama yang mana hendaklah berkenaan dengan iklan yang berupa poster yang ditunjukkan pada tiang poster yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu.

(4) Dimana Yang di-Pertua meluluskan pamiran sebarang iklan atau papantanda yang dipamirkan terdahulu daripada kebenarannya dipe*ı*olehi, tiga kali ganda bayaran lesen tahunan yang hendaklah dijelaskan terhadap lesen yang dikeluarkan itu.

6. (1) Sesuatu permohonan untuk lesen atau untuk membaharui lesen hendaklah dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertakan dengan: Permohonan untuk lesen.

(*a*) Suatu lakar yang menunjukkan butir-butir lengkap iklan itu dan suatu pelan tapakbina mengikut sekil satu inci bagi satu rantai menunjukkan tempat iklan yang dicadangkan itu; dan

(*b*) bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Yang di-Pertua boleh menghendaki seorang pemohon mendepositkan kepadanya sejumlah wang yang senilai dengan setengah daripada bayaran yang ditetapkan atau $300.00 mengikut mana yang kurang tetapi deposit itu tidak boleh kurang daripada $25.00.

(3) Melainkan deposit itu atau apa-apa bahagian daripadanya digunakan untuk menjelaskan belanja yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil 14 deposit itu atau bakinya hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon apabila tamat lesen itu dan selepas iklan itu dipindahkan.

(4) Permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan.

**Kuasa untuk enggan mengeluarkan dan membaharui lesen dan untuk membatalkan lesen.**

7. (1) Yang di-Pertua boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membenarkan sesuatu lesen diperbaharui tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Jika Yang di-Pertua enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membaharui sesuatu lesen ia hendaklah memulangkan balik bayaran lesen itu dengan sepenuhnya.

(3) Jika permohonan untuk suatu lesen atau pembaharuan ditarikbalik sebelum permohonan itu diluluskan oleh Yang di-Pertua, setengah daripada bayaran yang ditetapkan hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon.

(4) Yang di-Pertua boleh membatalkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu, dengan syarat bahawa sebelum membatalkan lesen itu, Yang di-Pertua hendaklah memberi satu bulan notis secara bertulis mengenai cadangannya berbuat demikian kepada pemegang lesen itu.

(5) Apabila sesuatu lesen dibatalkan, pemegang lesen itu hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh lesen itu dibatalkan.

(6) Apabila sesuatu lesen dibatalkan di bawah Undang-undang Kecil ini, tiada apa-apa pampasan kena bayar tetapi sekian banyak dari bayaran lesen yang berkadaran dengan tempoh yang belum tamat bagi lesen itu hendaklah dipulangkan balik kepada pemegang lesen itu.

**Bayaran.**

8. (1) Bayaran lesen yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam Ruang Pertama Jadual Ketiga hendaklah mengikut kadar yang dinyatakan dalam Ruang Kedua Jadual tersebut.

(2) Walauapapun peruntukan perenggan (1), bayaran bagi lesen Kelas "B" ialah setengah daripada bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

**Kawasan-kawasan untuk iklan.**

9. Sesuatu iklan yang dilesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah ditunjukkan hanya dalam kawasan yang diluluskan oleh Yang di-Pertua sahaja.

**Pengecualian daripada lesen.**

10. (1) Tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi:

(*a*) Sesuatu iklan yang luasnya tidak lebih daripada 2 ela persegi dan yang mengiklankan penjualan atau penyewaan tanah atau rumah jika iklan itu dipamirkan di atas tanah itu atau harta yang dijual atau disewakan itu:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu iklan penjualan atau penyewaan itu boleh dipamirkan mengenai mana-mana satu harta.

(*b*) Sesuatu papantanda kontrektor bangunan itu atau Kejuruteraan Awam yang luasnya tidak lebih daripada 4 ela persegi jika papantanda itu didirikan di atas harta dimana apa-apa kerja bangunan atau Kejuruteraan Awam sedang dijalankan:

Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papantanda itu boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek;

(*c*) Sesuatu papantanda kontrektor kecil yang luasnya tidak lebih daripada 2 ela persegi yang didirikan berhubung dengan sesuatu projek bangunan atau Kejuruteraan Awam:

Dengan syarat bahawa hanya satu papantanda sahaja boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek dan papantanda itu tidak boleh mengandungi apa-apa perkara bergambar;

(*d*) satu tanda arahan tidak lebih daripada 3 kaki persegi mengandungi nama orang atau firma, perbadanan atau pertubuhan, yang didirikan di atas sesuatu tapakbina yang diluluskan oleh Yang di-Pertua;

(*e*) pamiran poster-poster Pilihanraya Kerajaan, jika poster-poster itu dipamirkan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang di-Pertua dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang di-Pertua.

(2) Walaupun tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-undang Kecil ini, iklan itu hendaklah dipamirkan mengikut Undang-undang Kecil 3 dan 12.

Tinggi dan anjuran bagi iklan-iklan.

11. (*a*) Tiada suatu iklan yang kurang daripada enam belas kaki tingginya tetapi tidak kurang daripada sembilan kaki diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar lebih daripada dua kaki dari garisan bangunan.

(*b*) Tiada sesuatu iklan yang lebih daripada enam belas kaki tingginya diukur menegak daripada permukaan jalan boleh menganjur keluar lebih daripada empat kaki dari garisan bangunan.

(*c*) Tiada sesuatu iklan yang boleh menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau luang keluar asap yang ada ditembok luar bangunan.

Keselamatan strukur iklan.

12. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang arkitek berdaftar atau seorang jurutera struktur selama tempoh lesen itu dalam borang yang terdapat dalam Jadual Keempat dan jika dikehendaki oleh Yang di-Pertua, perakuan itu hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan-keperluan Undang-undang Kecil Bangunan.

(3) Yang di-Pertua boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak perenggan (1).

Penyelenggaraan iklan yang sedia ada.

13. (1) Yang di-Pertua boleh dengan notis secara bertulis memerintahkan pemegang-pemegang lesen supaya membaiki, mencap semula atau membersihkan mana-mana iklan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika warna-warna sesuatu iklan itu atau papantanda bersinar yang berlesen mungkin, apabila disinarkan, menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orangramai, Yang di-Pertua boleh menghendaki supaya warna-warna itu ditukar.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah mematuhi perintah itu.

Memindahkan iklan-iklan.

14. (1) Yang di-Pertua boleh memerintah supaya dipindahkan serta merta apa-apa iklan termasuk apa-apa struktur yang didirikan khas bagi iklan itu, yang ditunjukkan tanpa lesen atau bersalahan dengan Undang-undang Kecil ini atau jika pertunjukan iklan itu ialah untuk kemajuan tred, perniagaan atau perusahaan yang haram.

(2) Yang di-Pertua atau pegawai-pegawainya boleh memasuki mana-mana premis dan memindahkan iklan tersebut.

(3) Belanja bagi memindahkan iklan itu hendaklah ditanggung oleh orang-orang yang menunjukkan iklan itu, dan Yang di-Pertua boleh memotong belanja itu daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah Undang-undang Kecil 6 (3) atau 7 (6).

(4) Yang di-Pertua boleh bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang poster, memindahkan apa-apa poster dan walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen Kelas "C" yang belum tamat, tiada apa-apa amaun boleh dipulangkan balik kepada pemegang lesen.

Penalti
*Akta 171.*

15. Seseorang yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini atau mana-mana syarat di dalam sesuatu lesen, mana-mana notis atau perintah Yang di-Pertua boleh dikenakan penalti yang ditetapkan oleh seksyen 119 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Anggapan.

16. Dalam apa-apa pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini, maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa:

(*a*) sesuatu iklan yang ditunjukkan pada mana-mana premis telah ditunjukkan oleh atau dengan persetujuan pemunya atau penduduk premis itu;

(*b*) sesuatu iklan bagi apa-apa keluaran telah ditunjukkan sedemikian oleh pembuat atau pengilang keluaran itu atau bagi barang-barang yang diimpot wakil tunggal atau pengedarnya;

(*c*) sesuatu iklan bagi apa-apa peristiwa telah ditunjukkan oleh penganjur peristiwa itu atau, jika penganjur itu tidak diketahui oleh orang yang kepadanya akan dibayar hasil jualan tiket-tiket bagi peristiwa itu atau oleh orang atau pihak yang akan mendapat faedah dari iklan itu.

Pemohon-pemohon lesen bertanggungjawab atas kegagalan.

17. (1) Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan penunjukan iklan samada semasa ia dibena atau selepas ia siap, hendaklah "prima-facie" terletak ke atas orang atau orang-orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Yang di-Pertua atau walaupun Yang di-Pertua telah mengecualikan pemohon itu daripada Undang-undang Kecil 12 (1), Yang di-Pertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang ber-

laku kepada sesiapa oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

18. Yang di-Pertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya atau penjawat-penjawatnya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini. Kerosakan.

19. Yang di-Pertua boleh mengecualikan sesiapa juga difikirkan patut daripada mana-mana peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini. Pelepasan.

20. (1) Bahagian IX Undang-undang Kecil Majlis Perbandaran Seremban adalah dengan ini dimansuhkan. Pemansuhan.

Dengan syarat bahawa mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang dimansuhkan itu hendaklah terus lagi berkuatkuasa sehingga lesen itu tamat atau dibatalkan oleh Yang di-Pertua.

Bertarikh di Seremban pada 18hb Disember 1980.
[SUKNS. (B) 30/73.]

MOHD NOOR BIN OTHMAN,
*Setiausaha Majlis Mesyuarat,*
*Negeri Sembilan*

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN)
1980

(Undang-undang Kecil 5 (3))

LESEN IKLAN/PAPANTANDA/POSTER

Kelas..................

Nama.........................................................................................

Alamat.......................................................................................

adalah dengan ini diberi lesen oleh Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Seremban untuk menunjukkan Iklan/Papantanda/Poster yang berikut:

(1) ..................................................

(2) ..................................................

(3) ..................................................

(4) ..................................................

di No.......................................... Lot.............................

Seremban mulai dari............................................ 19........

hingga........................................................... 19........

..........................................
*Yang di-Pertua*
*Majlis Perbandaran Seremban*

Bayaran Lesen $...........................

Resit No..................................

Rujukan Fail..............................

Wang Pendahuluan..........................

Resit.......................................

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN)
1980

(Undang-undang Kecil 6 (1) )

BORANG PERMOHONAN UNTUK LESEN IKLAN/PAPANTANDA
Bagi Kelas A/B/C

1. Nama Penuh.......................................................................
*(Dengan Huruf Besar)*

2. Alamat...............................................................................

3. Jenis "Iklan/Papantanda atau Tanda-Langit" (Bersinar/tak bersinar).

4. Jenis Lesen "Kelas A/B/C".

5. Ukuran Amaun

| Ukuran | Amaun |
|---|---|
| .................................. | .................................. |
| .................................. | .................................. |
| .................................. | .................................. |

6. Alamat di mana iklan/tanda-langit/papantanda/poster hendak dipamirkan.

   (1) ....................................................................
   (2) ....................................................................
   (3) ....................................................................
   (4) ....................................................................

7. Tingginya daripada permukaan jalan (Jika luar dari garisan sempadan mengikut undang-undang kecil 11).

   ....................................................................

8. Tempoh pamiran. Daripada...............................19........
   hingga.....................................19........

Saya/Kami berikrar bahawa Iklan/Tanda-langit/Papantanda/Poster yang dicadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga sesuatu lesen telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seremban. Saya/Kami lampirkan bersama ini dua salinan bagi iklan/tanda-langit/papantanda/poster itu serta pelan tapakbina mengikut skala 1 inci bagi satu rantai.

..............................................................
*Tandatangan Tuanpunya Bangunan/Tanah.*

..............................................................
*Tandatangan Pemohon*

**Potong mana yang tidak berkenaan.*

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN)
1980

(Undang-undang Kecil 6 dan 8)

| Ruang Pertama<br>*Jenis Iklan* | Ruang Kedua<br>*Bayaran yang kena bayar* |
|---|---|
| (i) Iklan tanpa bersinar | $ *sen* |
| (*a*) Bagi kawasan yang tidak melebihi 10 ela persegi ... ... ... ... ... | 50 00 setahun |
| (*b*) Bagi tiap-tiap satu ela persegi atau sebahagian daripada satu ela persegi yang lebih daripada sepuluh ela persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan ... | 5 00 " |
| Iklan Bersinar: | |
| (*a*) Bagi kawasan yang tidak melebihi 10 ela persegi ... ... ... ... ... | 100 00 " |
| (*b*) Bagi tiap-tiap satu ela persegi atau sebahagian daripada satu ela persegi yang lebih daripada sepuluh ela persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan ... | 10 00 " |
| (ii) Jika sokong permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk menunjukkan iklan, bagi tiap-tiap satu ela persegi yang lebih daripada ruangan itu ... ... ... | 5 00 " |
| (iii) Iklan kecil tidak lebih daripada satu ela persegi besarnya yang dicadang hendak dipamirkan lebih daripada satu iklan yang bereka bentuk sama— | |
| Tidak lebih daripada 100 bilangannya ... | 12 00 tiap-tiap satu |
| Lebih daripada 100 tetapi tidak lebih daripada 500 ... ... ... ... | 10 00 " |
| Lebih daripada 500 tetapi tidak lebih daripada 1,000 ... ... ... ... | 8 00 " |
| Lebih daripada 1,000 ... ... ... | 6 00 " |
| (iv) Iklan di atas papan yang menganjur keluar lebih daripada enam inci dari bangunan, luas yang hendak diukur meliputi seluruh luas papantanda itu termasuk bingkai dan jika pertunjukan itu akan diadakan di kedua belah papan itu tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur. | |
| (*a*) Tak bersinar — Luas yang tidak lebih daripada dua ela persegi bagi satu tanda | 15 00 setahun |
| (*b*) Tak bersinar — bagi tiap-tiap satu ela persegi atau sebahagian daripada satu ela persegi yang lebih daripada dua ela persegi ... ... ... ... ... | 10 00 " |
| (*c*) Bersinar — bagi satu ela persegi atau sebahagian daripada dua ela persegi ... | 15 00 " |

| RUANG PERTAMA<br>*Jenis Iklan* | RUANG KEDUA<br>*Bayaran yang kena dibayar*<br>$ *sen* |
|---|---|
| (v) Tanda-Langit: Lesen-lesen untuk tanda-langit diukur meliputi luas ruangan yang digunakan untuk pertunjukan tanda-langit bagi satu ela persegi ... ... ... ... ... ... | 15 00 setahun |
| (vi) Jika sokong permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk pertunjukan iklan, bagi tiap-tiap ela persegi atau sebahagian daripada satu ela persegi yang lebih daripada ruangan itu ... ... ... ... | 8 00 " |
| (vii) Iklan di dalam Taman Hiburan ... ... | Setengah daripada mana-mana bayaran yang kena dibayar di bawah perenggan (i) |
| (viii) Poster yang ditunjukkan di atas tiang poster bagi satu petak persegi sebulan ... ... | 5 00 setahun |

JADUAL KEEMPAT

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN)
1980

(Undang-undang Kecil 12 (1))

PENGESAHAN PELAN-PELAN STRUKTUR

(Untuk catitan di atas pelan yang kemukakan untuk kelulusan)

Saya........................................................seorang Arkitek berdaftar/Jurutera Struktur dengan ini mengesahkan bahawa struktur di atas adalah kukuh dari segi struktur bagi tempoh .......................................dan saya mengaku bertanggungjawab sepenuh ke atasnya.

.........................................
*Arkitek/Jurutera*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### ADVERTISEMENT (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1980

*Act 171.* IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Seremban Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following by-laws:

Citation and commencement. 1. These by-laws may be cited as the **Advertisement (Seremban Municipal Council) By-laws 1980** and shall come into force on 1st January 1981.

2. (1) In these by-laws, unless the contex otherwise requires— Definition.

"advertisement" means any notification, intimation or publication displayed or erected for the purpose of bringing to the notice of the public any article, product, production, place, event, or anything exhibited on any hoarding, board, roof, wall, paling, fence, tree, frame signboard, plate, cloth, bar, pillar, post, wire, casing or other erection or contrivance or any part thereof, on, in or over any land, house, building, structure, footway, street or place of public resort and used for the purpose of advertisement;

"directive sign" means a display in any manner the registered trade mark or the nature of the trade, business or profession of any person, firm, corporation or organisation and intended to point the way to premises where a signboard would not be visible from the street;

"poster" means an advertisement which is not of a permanent commercial nature and measuring not more than two feet by three feet;

"poster stand" means a stand provided by the President for display of posters;

"President" means the President of Seremban Municipal Council and includes the Deputy President;

"signboard" means any board which displays the name or the registered trade mark of any person, firm, corporation or organisation and the nature of the trade, business or profession carried on by such person, firm, corporation or organisation;

(2) In these by-laws, reference to the person exhibiting an advertisement shall be construed as a reference to the person who himself or by his servant or agent exhibits or causes to be exhibited such advertisement and shall be deemed to include:

(*a*) the owner or occupier of the land on which the advertisement is displayed; and

"(3) The word "advertisement" wherever appears in these By-laws shall included the words "directive sign", "poster" and "signboard"." Add NS PU 3/81

3. (1) Bahasa Malaysia shall be used for all advertisements whether by itself or together with any other language. Wording of advertisement.

(2) If the advertisement is in Bahasa Malaysia as well as in other language, the letters or characters of the words in the language or languages shall be of a size not bigger than half the size of the words in Bahasa Malaysia and shall be given prominence.

4. (1) No person shall use the words, "Halal", "Ditanggung Halal" or in any other word or manner indicating that any food to which the advertisement relates to is processed, cooked or manufactured in a manner which is approved by Islamic religion or that the food does not contain anything which is forbidden to a Muslim unless he has obtained from the President an approval in writing. Use of word "Halal".

(2) The President before granting the approval under paragraph (1) may require proof to the satisfaction of the President that the food is not forbidden under Islamic religion to be consumed by Muslims.

Licences.

5. (1) No person shall exhibit or cause to be exhibited any advertisement other than those exempted under by-law 10 without a licence issued by the President.

(2) The President may impose such conditions as he thinks fit in any licence issued under these by-laws.

(3) The licences issued shall be:

(*a*) a Class "A" licence in the form set out in the First Schedule for a period of one year from the date of its issue;

(*b*) a Class "B" licence in the form set out in the First Schedule which shall be valid for a period specified in the licence not exceeding six calendar months; or

(*c*) a Class "C" licence in the form set out in the First Schedule which shall be in respect of advertisement in the form of posters displayed on a poster stand which shall be valid for the period specified in the licence.

(4) Where the President approves the retention of any advertisement or signboard which has been exhibited without his prior approval, thrice the annual licence fee shall be paid in respect of the licence whenever issued.

Application for licences.

6. (1) An application for licence or the renewal thereof shall be in the form appearing in the Second Schedule and shall be accompanied by:

(*a*) a sketch showing full details of the advertisement and a site plan of a scale on 1 inch to 1 chain showing the location of the proposed advertisement; and

(*b*) the fees specified in the Third Schedule.

(2) The President may require an application to deposit with him a sum equivalent to half the prescribed fee or $300.00 which ever is the lesser but this deposit shall not be less than $25.00.

(3) Unless the deposit or any part thereof is used to defray the expenses incurred under by-law 14 such deposit or the balance thereof shall be refunded to the applicant at the expiry of the licence and after the removal of the advertisement.

(4) An application for renewal of a licence shall be submitted before the date of expiry of the licence and shall be accompanied by the prescribed fee.

Power to refuse and revoke licences.

7. (1) The President may refuse to issue any licence or to grant the renewal thereof without assigning any reason therefor.

(2) Where the President refuses to issue a licence or renew a licence he shall refund the licence fee in full.

(3) If the application for a licence or renewal is withdrawn before approval by the President, half or the fee prescribed shall be refunded to the applicant.

(4) The President may revoke any licence without assigning any reason for such revocation, provided that before revoking the licence the President shall give one month's notice in writing of his intention to the licensee.

(5) When a licence is revoked the licensee shall remove the advertisement within 14 days of the date of revocation.

(6) When a licence is revoked under this by-law, no compensation shall be payable but so much of the licence fees which is proportionate to the unexpired period of the licence shall be refunded to the licensee.

Fees.

8. (1) The annual licence fee payable for the type of advertisement, specified in the First Column of the Third Schedule shall be at the rate set out in the Second Column of the said Schedule.

(2) Notwithstanding paragraph (1) the fee for Class B licence shall be half of those specified in the Third Schedule.

Areas for advertisements.

9. An advertisement licensed under these by-laws shall only be displayed within the areas as may be approved by the President.

Exemption from licence.

10. (1) No licence shall be required for—

(*a*) an advertisement not exceeding 2 square yards in area, advertising a sale of or letting of land or house where the advertisement is exhibited on the land or property for sale or to let:

Except that not more than one such advertisement of sale or letting shall be exhibited in respect of any one property;

(*b*) a Building or Civil Engineering Contractor's signboard not exceeding four square yards in area where the signboard is erected on the property upon which any building or civil engineering work is being carried out:

Except that not more than one such signboard shall be exempted in respect of any one project;

(*c*) any sub-contractor's signboard not exceeding two square yards in area erected in connection with any building or civil engineering project:

Except that only one signboard shall be exempted in respect of any one project which signboard shall not bear any pictorial matter;

(*d*) one directive sign not exceeding 3 square feet bearing the name of the person or firm, corporation or organisation, erected on a site approved by the President;

(*e*) the exhibition of Government election posters, if such posters are exhibited with the prior written permission of the President and subject to such conditions as the President may impose.

(2) Notwithstanding that no licence is required for any advertisement under this by-law such advertisement shall be exhibited in accordance with by-law 3 and 12.

Heights and projections of advertisements, etc.

11. (*a*) No advertisement below a height of sixteen feet but not less than nine feet measured vertically from the roadway shall project beyond two feet of the building line.

(*b*) No advertisement above a height of sixteen feet measured vertically from the roadway shall project more than four feet beyond the building line.

(*c*) No advertisement shall obscure or obstruct any windows or fume exhaust placed on the outer wall of a building.

Safety of advertisement structures.

12. (1) Any structure, together with any fixtures to a building or part of a building, erected for the purpose of displaying any advertisement shall be certified structurally sound by a registered architect or a structural stability of the building or part of the building supporting the advertisement.

(2) Any plans submitted under this by-law shall comply with the requirements of the building by-laws.

(3) The President may in any particular case exempt the applicant from the requirement of paragraph (1).

Maintenance of existing advertisements.

13. (1) The President may by notice in writing order the licensee to repair, reprint or clean any advertisement within the time prescribed in the notice.

(2) If the colours of a licensed illuminated advertisement when illuminated are likely to cause confusion or annoyance to the public, the President may require such colours to be changed.

(3) The licensee shall comply with such order.

Removal of advertisements.

14. (1) The President may order the summary removal of any advertisement including any structure erected especially for the advertisement displayed without a licence or in contravention of these by-laws or where the display of any advertisement is in furtherance of an illegal trade, business or undertaking.

(2) The President or his officers may enter into any premises and execute the removal.

(3) The expenses for such removal shall be borne by the person displaying such advertisement and the President may deduct such expenses from any money due to that person under by-law 6 (3) or 7 (6).

(4) The President may, for the purpose of repairing, repainting or cleaning any poster stand, remove any poster and notwithstanding that there may be any unexpired period of the Class "C" licence no amount shall be refunded to the licensee.

Penalty *Act 171.*

15. Any person who contravenes any of these by-laws or any condition in a licence, notice or order of the President, shall be liable to the penalty prescribed by section 119 of the Local Government Act 1976.

**Presumption.**

16. In any prosecution for an offence under these by-laws, it shall be presumed until the contrary is proved that—

(*a*) any advertisement displayed on any premises was done by or with the consent of the owner or occupier of such premises;

(*b*) any advertisement of any product was so displayed by the manufacturer of that product or in the case of imported good the sole agent or distributor;

(*c*) any advertisement of any event was displayed by the promoter of that event or where such promoter is unknown the person to whom the proceeds of the sale of any tickets, for that event will be made or the person or party who stands to gain by such advertisement.

**Application for licences responsible for failure.**

17. (1) The responsibility for the collapse or failure of any structure of fixture connected with the displaying of advertisement whether in the course of construction or after its completion, shall prima facie lie with the person or persons who submitted the application for the licence.

(2) Notwithstanding that an advertisement has been approved by the President or that the President has exempted the applicant from by-law 12 (1), the President shall not be liable for any damage done to any person by the collapse or failure of the structure or fixture for the advertisement.

**Damage.**

18. The President shall not be liable for any damage caused by him or his servants in carrying out the provisions of these by-laws.

19. The President may grant exemptions from any provision of these by-laws to any person as he thinks fit.

**Repeal.**

20. (1) Part IX of Seremban Town Council By-laws is hereby repealed:

Provided that any licence issued under the repealed by-laws shall continue to be in force until the expiry thereof or revoked by the President.

Dated at Seremban this 18th day of December 1980.
[SUKNS. (B) 30/73.]

MOHD. NOOR BIN OTHMAN,
*Clerk of Council,*
*Negeri Sembilan*

FIRST SCHEDULE

ADVERTISEMENT (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1980

(By-law 5 (3))

ADVERTISEMENT/SIGNBOARD/POSTER LICENCE

Class.....................

Name..............................................................................

Address..........................................................................

is hereby licensed by the President of the Seremban Municipal Council to display the following advertisement/signboard/poster:

(1) ..............................................................

(2) ..............................................................

(3) ..............................................................

(4) ..............................................................

at No...............................................................Lot.................

Seremban commencing from...........................................19.......

to..............................................................................19.........

.....................................

*President,*

*Seremban Municipal Council*

Licence fee $.......................

Receipt No.......................

File Ref.............................

Deposit..............................

Receipt..............................

SECOND SCHEDULE

ADVERTISEMENT (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1980

(By-law 6 (1))

APPLICATION FORM FOR ADVERTISEMENT/ SIGNBOARD LICENCE

For Class A/B/C

1. Name in full..................................................................
(*In Capital Letters*)

2. Address..................................................................

3. Description: "Advertisement/Skysign or Signboard" (illuminated/unilluminated).

4. Type of Licence "Class A/B/C".

5. Size ... Amount

| Size | Amount |
|---|---|
| ................................... | ................................... |
| ................................... | ................................... |
| ................................... | ................................... |

6. Address at which advertisement/skysign/signboard/poster to be exhibited.

(1) ..................................................................
(2) ..................................................................
(3) ..................................................................
(4) ..................................................................

7. Height from road surface (If beyond the boundary line in accordance with by-law 11).

..................................................................

8. Period of exibition. From......................................19......
to........................................................19......

I/We affirm the proposed advertisement/signboard/poster shall not be displayed until a licence has been issued by the President of the Seremban Municipal Council. I/We attach herewith two of the drawings for the advertisment/skysign/signboard/poster together with the site plan of the scale of 1 inch equals one chain.

..................................................
*Signature of Owner of Building/Land*

..................................
*Signature of Applicant*

* *Delete where not applicable.*

THIRD SCHEDULE

ADVERTISEMENT (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1980

(By-law 6 and 8)

| FIRST COLUMN<br>*Type of advertisement* | SECOND COLUMN<br>*Fee Payable*<br>$ c. |
|---|---|
| (i) Unilluminated advertisement: | |
| (*a*) For area not exceeding 10 square yards ... | 50 00 per annum |
| (*b*) For every square yard or fraction thereof in excess of ten square yards measured over the area for the display of advertisement ... ... ... ... | 5 00 ,, |
| Illuminated advertisement: | |
| (*a*) For area not exceeding 10 square yards ... | 100 00 ,, |
| (*b*) For every square yard or fraction thereof in excess of ten square yards measured over the area for the display of advertisement ... ... ... ... | 10 00 ,, |
| (ii) Where the superficial support exceed the space used for the display of the advertisement, for every square yard or fraction thereof in excess of such space ... ... ... ... ... | 5 00 ,, |
| (iii) Small advertisement not exceeding one square yard in size, intended to be exhibited in excess of one advertisement of the same design— | |
| Not exceeding 100 in number ... ... | 12 00 each |
| Exceeding 100 but not 500 ... ... ... | 10 00 ,, |
| Exceeding 500 but not 1,000 ... ... ... | 8 00 ,, |
| Exceeding 1,000 ... ... ... ... | 6 00 ,, |
| (iv) Advertisement on a board projecting more than six inches beyond the building, the area to be measured over the whole area of the sign-board including framework and where the display is on both sides of the board each face of the advertisement shall be measured. | |
| (*a*) Unilluminated — area not exceeding two square yards per sign ... ... ... | 15 00 per annum |
| (*b*) Unilluminated — for every square yard or fraction thereof, in excess of two square yards ... ... ... ... ... ... | 10 00 ,, |
| (*c*) Illuminated — per square yard or fraction thereof ... ... ... ... ... | 15 00 ,, |
| (v) Sky-sign: Licences for sky-signs measured over the area of the space used for the display of the sky-sign per square yard ... ... ... | 15 00 ,, |
| (vi) Where the superficial supports exceed the space used for the display of the advertisement for every square yard or fraction thereof in excess of such space ... ... ... ... ... | 8 00 ,, |
| (vii) Advertisement within Amusement Parks ... | Half of any fee payable under paragraph (i) |
| (viii) Poster displayed on poster stands per square yard per month ... ... ... ... ... | 5 00 per annum |

FOURTH SCHEDULE

ADVERTISEMENT (SEREMBAN MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1980

(By-law 12 (1))

CERTIFICATION OF STRUCTURAL PLANS

(For endorsement on plans to be submitted for approval)

I..........................................................................being a Registered Architect/Structural Engineer do hereby ceritfy that the above structure shall be structurally sound for the period of

..........................................................................and I accept full responsibility accordingly.

.......................................
*Architect/Engineer*

N.S. P.U. 2.

ENAKMEN BEKALAN AIR
(N.M.B. Bab 203)

KAEDAH-KAEDAH BEKALAN AIR
NEGERI SEMBILAN 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 43 Enakmen Bekalan Air, Raja dalam Mesyuarat membuat Kaedah-kaedah yang berikut berhubung dengan Negeri, Negeri Semblan.

Tajuk ringkas dan mula berkuat-kuasa.

101. (i) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Bekalan Air (N.M.B. Bab 203) 1981,** dan hendaklah mula berkuat-kuasa pada 1hb Januari 1981.

Memansuhkan kaedah-kaedah yang terdahulu.

NSPU 22/98 bth 17/12/1998

"Pengecualian.

101A. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan premis-premis berikut daripada pemakaian kesemua atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini:

(*a*) mana-mana masjid atau mana-mana premis yang digunakan secara eksklusif bagi tujuan keagamaan;

(*b*) mana-mana bangunan Kerajaan Negeri; atau

(*c*) mana-mana premis lain yang difikirkan patut dan wajar.".

Tafsiran.

"Piawaian yang diluluskan" biasanya ertinya piawaian atau penentuan atau suatu Kanun Amalan yang dikeluarkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perusahaan Malaysia (SIRIM), atau jika itu tidak ada, oleh Institut Piawaian British (BSI) sebagaimana yang dipinda atau disemak dari semasa ke semasa, atau lain-lain piawaian sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah Negeri menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Kaedah-kaedah ini;

"Injap Bebola" ertinya mana-mana injap kendalian terapong untuk mengawal alirmasuk air ke dalam sisten atau lain-lain vesel;